

# Syukuri nikmat Allah melimpah-ruah



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Allah adalah Tuhan yang Maha Esa, Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Nikmat dan ujian diberikan kepada hamba-Nya sebagai tanda kasih sayang-Nya kepada kita. Rahmat dan kasih-Nya adalah melebihi kasih seorang ibu kepada anaknya.

Sifat itu boleh dilihat melalui Asmaul Husna. Nama seperti ar-Rahman (Maha Pemurah), ar-Rahim (Maha Penyayang), al-Ghaffar (Maha Pengampun) dan ar-Razzaq (Maha Pemberi Rezeki) menunjukkan betapa luas rahmat dan kasih-Nya.

Keluasan rahmat dan pengampunan-Nya boleh juga dilihat melalui hadis diriwayatkan Abu Hurairah RA, mafhumnya: "Seorang hamba telah berbuat dosa dengan suatu perbuatan maksiat, kemudian dia berkata: Ya Tuhanku,



**POKOK** di hutan menghasilkan oksigen yang diperlukan manusia untuk hidup.

ampunilah bagiku dosaku. "Maka, Allah SWT berfirman: Hamba-Ku telah berbuat dosa dengan suatu perbuatan dosa dan dia mengetahui bahawa Tuhannya Maha Mengampuni dosa dan menghukum perbuatan dosa.

"Kemudian hamba itu berbuat dosa kembali. Dan kemudian berdoa (lagi): Tuhanku, ampunilah

bagiku dosaku. "Maka, Allah SWT berfirman: Hamba-Ku melakukan perbuatan dosa dan dia mengetahui bahawa Tuhannya mengampuni dosa dan mengazab perbuatan dosa. "Kemudian hamba itu berbuat dosa kembali. Dan kemudian berdoa kembali: Tuhanku, ampunilah bagiku dosaku.

"Maka, Allah SWT

berfirman: Hamba-Ku telah berbuat dosa dan dia tahu, dia memiliki Tuhan yang mengampuni dosa dan mengazab perbuatan dosa. Lakukanlah apa yang kamu kehendaki, kerana Aku benar-benar telah mengampunimu."

Sepanjang kehidupan manusia di dunia ini, kita sentiasa dilimpahi nikmat dan rahmat Allah yang sangat banyak.

Antara yang selalu kita lupa dan tidak ambil endah ialah nikmat sihat, penglihatan serta pendengaran dan yang paling kita ambil mudah ialah nikmat untuk kita terus bernafas.

Bayangkan setiap manusia dewasa memerlukan lebih kurang 550 liter oksigen sehari untuk hidup, jika mereka hidup selama 60 tahun, berapakah harga yang perlu dibayar? Semua ini, diberikan secara percuma oleh-Nya.

"Maka, yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?" (Surah ar-Rahman, ayat 13)

Segelintir manusia menggunakan anugerah diberikan Allah seperti kecerdikan dan pemikiran kepada perkara bermanfaat sebagai tanda penghargaan atas pemberian-Nya.

Namun, ada juga

golongan manusia yang tidak menghargai rahmat dan nikmat pemberian-Nya kepada mereka dengan membuat pelbagai kerosakan di dunia ini.

Sesungguhnya, nikmat paling besar dikurniakan kepada manusia sejak Nabi Adam AS sehingga kepada kita pada hari ini ialah nikmat Islam itu sendiri. Tanpa Islam, mana mungkin manusia mampu untuk membina tamadun hebat pada hari ini!

Kita umat Nabi Muhammad SAW dikurniakan nikmat dan rahmat yang besar apabila diturunkan kepada kita nabi dan rasul terakhir.

"Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." (Surah al-Anbiya, ayat 107)

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**